

**TEMPOH KEMPEN/ CAMPAIGN PERIOD**

1. Kempen Celik Kewangan 2021("Kempen") dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari 3 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021, ("Tempoh Kempen"), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN.  
*The Financial Literacy Campaign ("Campaign") is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 3 September 2021 until 31 October 2021, ("Campaign Period"), unless notified otherwise by BSN.*

**KELAYAKAN/ ELIGIBILITY**

2. Semua peserta yang memenuhi syarat di bawah adalah layak untuk menyertai Kempen ini ("Pelanggan Yang Layak")
  - a) Terbuka kepada semua sektor sekolah – awam, swasta, MRSN dan sekolah agama
  - b) **Bagi Kategori Penyertaan-** Terbuka kepada semua Pelajar.
  - c) **Bagi Kategori Pertandingan-** Terbuka hanya kepada Pelajar yang mempunyai akaun simpanan di BSN termasuk akaun amanah, bersama atau persendirian (SGSP, BSJ atau SSP)

*All participants that meet the following criteria are eligible to participate in this Campaign ("Eligible Customers"):*

- a) *Open to all school sectors – government, private, MRSN and religious schools*
- b) **For Participation Category-** *Open to all students.*
- c) **For Competition Category-** *Open only to students with BSN saving account holders including trust, joint and personal account (SGSP, BSJ or SSP)*

**KATEGORI/ Category**

3. Program ini dibahagi kepada 2 kategori seperti di bawah:-  
*This program consist of two (2) categories as below:-*

**a) Kategori Penyertaan/ Participation Category**

1. **Penyediaan Video**
  - a. Pelajar menyediakan video pendek berdurasi kurang dari 1 minit dan diberikan kepada guru penyelaras yang dilantik disekolah. Guru penyelaras perlu memastikan kandungan video yang disediakan adalah menepati 6 elemen Celik Kewangan iaitu :-  
*Students to prepare a short video with a duration of less than 1 minute and handed to the coordinating teacher appointed by schools. Coordinating teachers has to ensure the video content comply the 6 elements of Financial Literacy which are :-*
    - i. **Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya** - Murid akan dapat mentakrifkan wang sebagai alat pertukaran dalam transaksi dan dapat mengaitkan pendidikan, pendapatan dan kerjaya dengan potensi pendapatan peribadi.  
**Money, Source of Income and Career Choice** - Pupils will be able to define money as a medium of exchange in transactions and demonstrate relationship between education, income, career and personal potential income.

- ii. **Tanggungjawab dan Membuat Keputusan Kewangan** - Murid akan dapat membuat keputusan kewangan peribadi secara sistematik berdasarkan maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai.  
**Financial Responsibility and Decision Making** - *Pupils will be able to apply reliable information and reasoning in order to make informed financially responsible decisions.*
  - iii. **Pengurusan dan Perancangan Kewangan** - Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk merancang dan mengurus wang secara berkesan dengan mengenal pasti matlamat kewangan dan membuat rancangan perbelanjaan  
**Money Management and Planning** - *Pupils will develop skills to plan and manage money effectively by identifying financial goals and developing spending plans.*
  - iv. **Simpanan dan Pelaburan** - Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk merancang dan mencapai matlamat jangka panjang yang berkaitan dengan simpanan dan pelaburan bagi memberikan jaminan kewangan dan kekayaan.  
**Savings and Investments** - *Pupils will develop skills to plan and achieve long-term goals related to saving and investing in order to build financial security and wealth.*
  - v. **Pengurusan Kredit dan Hutang** - Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi berkaitan dengan hutang yang ditanggung dan dapat mengekalkan kebolehpercayaan kredit.  
**Credit and Debt Management** - *Pupils will develop skills to make informed decisions relating to incurring debt and maintaining credit worthiness.*
  - vi. **Pengurusan Risiko, Perlindungan dan Insurans** - Murid akan dapat meningkatkan kemahiran untuk menggunakan strategi pengurusan risiko secara wajar dan kos efektif bagi meminimumkan kegagalan kewangan dan mengekalkan kekayaan.  
**Risk Management, Wealth Protection and Insurance** - *Pupils will develop skills to use appropriate and cost-effective risk management strategies to minimize financial setbacks and preserve wealth.*
- b. Guru Penyelaras perlu mengisi borang yang disediakan dengan mengemukakan butiran diri Pelajar yang telah menyediakan video sebagaimana yang disyaratkan. Hanya butiran pelajar yang layak sahaja diserahkan kepada BSN.  
*The coordinating teacher must fill in the form provided by submitting the personal details of the student has prepared the video as outlined. Only the details of eligible students are submitted to BSN.*
- c. Penyertaan tersebut akan menerima sijil penyertaan dari BSN.  
*The participation will receive a certificate of participation from BSN.*
2. **Kuiz Celik Kewangan/ Financial Literacy Quiz**
- a. Kuiz boleh dijawab melalui pautan yang disediakan di laman <https://www.bsn.com.my/page/CelikKewangan2021>
  - b. Setiap pelajar yang menyertai akan mendapat sijil penyertaan.
  - c. Bagi pelajar yang mendapat markah 85% dan ke atas akan memperoleh sijil Iulus.
  - d. Setiap pelajar hanya boleh mengambil kuiz sebanyak sekali sahaja

- a. The quiz can be answered through the link provided on the website <https://www.bsn.com.my/page/CelikKewangan2021>
- b. Each student will receive a participation certificate.
- c. For students who score 85% or more marks will get pass certificate.
- d. Each student can only take the quiz once.

**b) Kategori Pertandingan/ Competition Category**

1. Video pertandingan akan diadili oleh juri-juri dari KPM bagi pemilihan pemenang. *Competition videos will be marked by the juries from MOE for winners selection.*
2. Video pertandingan haruslah berdasarkan salah satu dari tajuk-tajuk yang diberikan iaitu:- *Contested video must based on one of the given title only which are:-*
  - i. Membuat keputusan bijak antara pendapatan & perbelanjaan/ *Wise decision between income & expenses*
  - ii. Pengurusan hutang & kredit/ *Liability and credit management*
  - iii. Simpanan dan Pelaburan masa kini/ *Current saving and Investment*
  - iv. Kenalpasti Kehendak & Keperluan/ *Determine needs & wants*
  - v. Akaun Keldai/ *Mule Account*
3. Pemenang akan dipilih berdasarkan video yang telah dihantar. Terdapat 2 kategori pemenang iaitu seorang pemenang Negeri dari 16 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan 5 orang pemenang kategori kebangsaan.  
*Winner will be chosen based on the contested video. There will be 2 winners category, 1 winner for state category from 16 Jabatan Pendidikan Negeri each and 5 winners for national category.*

**VIDEO PERTANDINGAN/ Contested Video**

4. Video yang dipertandingkan haruslah menepati syarat seperti yang berikut:-  
*Competition video must meet the requirements as follow:-*
  - a. Durasi video mestilah tidak melebihi 60 saat/ *Video duration must not exceed 60 seconds*
  - b. Video boleh dihantar selewat-lewatnya pada 30 September 2021. Video yang dihantar selepas tarikh akhir tersebut tidak akan diambilkira bagi tujuan pertandingan ini/ *Videos are to be submitted latest by 30<sup>th</sup> September 2021. Videos that are submitted beyond final submission date shall be disqualified for the purpose of this competition.*
  - c. Video yang dihasilkan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti agama, perkauman, budaya dan fahaman politik tertentu. BSN mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan video yang didapati mengandungi unsur-unsur yang dinyatakan dalam klausa ini/ *Videos shall not contain elements of sensitivities such as religion, racism, culture and political ideology. BSN has the right to disqualify videos that contain mentioned elements under this clause.*
  - d. Video pertandingan hanya dalam Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris sahaja/ *Contested video shall be in Bahasa Melayu and/or English only*

- e. Pautan video yang di muat naik di media sosial haruslah dihantar melalui platform khusus yang disediakan oleh pihak BSN. Pautan platform akan dikongsikan kepada guru penyelaras bagi memudahkan penyertaan pertandingan video oleh Pelajar. / *The link of the video uploaded on social media must be sent through a the platform as provided by BSN. Platform links will be shared to the coordinating teacher to facilitate the participation of video competitions by Students.*
- f. Video yang di siarkan di media sosial wajib mempunyai ketiga-tiga tanda pagar seperti berikut #celikkewanganBSN2021, #MyDuitStoryJr dan #FinancialEducationNetwork / *Video posted on social media must include the three hashtags as follow #celikkewanganBSN2021, #MyDuitStoryJr and #FinancialEducationNetwork*
- g. Video boleh dibuat secara bekumpulan namun video hanya boleh dihantar oleh seorang pelajar (di bawah satu nama) sahaja. Pelajar hendaklah mematuhi arahan semasa dari pihak Kerajaan berkenaan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan sepanjang pandemik seperti penjarakan sosial dan sebagainya./ *Videos are allowed to be shoot in group however submission must be sent by one student (single name) only. Students must comply with the current orders from the Government regarding the activities allowed during the pandemic such as social distancing.*
- h. Informatif video – tulisan/penceritaan adalah dibenarkan ( tanpa perlu menunjukkan wajah/muka pelajar)/ *Informative videos – wording/story-telling are allowed (not necessarily has to show the students face/figure)*
- i. Resolusi video haruslah berada dalam keadaan yang baik dan tidak menjelaskan tontonan dan pengadilan para juri dan pegawai terlibat/ *The video resolution must be in good condition and does not affect the viewing and judging of the juries and officials involves.*
- j. Format video adalah bebas. Namun, pelajar haruslah memastikan bahawa para juri, guru dan pegawai yang terlibat supaya dapat menonton video tersebut (tidak mengehadkan tontonan-melumpuhkan privasi, jika ada)/ *The video format is not specified. However, students should ensure that the juries and officials involved are able to watch the video (do not restrict viewing - disable privacy, if any)*
- k. Hanya 100 video pertama dari setiap negeri yang layak untuk dipertandingkan dan pemilihan pemenang adalah dari video yang dihantar. Kesemua pelajar yang menghantar video adalah bagi pertandingan Peringkat Negeri. Bagi kelayakan untuk bertanding di Peringkat Kebangsaan, pemilihan video adalah tertakluk kepada pemilihan oleh para juri dari KPM / *Only first 100 videos from each state are eligible to compete at the state and national levels. All students submitting the videos are for the State Level competition. For eligibility to compete at the National Level, video selection is subjected to discretion by the juries from MOE.*
- l. Video yang tidak layak untuk dipertandingkan akan memasuki kategori penyertaan dan pelajar layak untuk memperoleh sijil penyertaan. / *Videos that are not eligible to compete will enter the participation category and students are eligible to get the participation certificate.*
- m. Pelajar yang menyertai program ini adalah wajib untuk mendapatkan kebenaran ibu/bapa atau penjaga dengan menandakan butang penafian semasa menghantar video pertandingan./ *Participating students for the programs are required to obtain the permission of the parent or guardian by clicking the disclaimer button.*

- n. Juri-juri yang dilantik dari KPM akan menilai video pertandingan dan keputusan juri adalah muktamad/ *Appointed juries from MOE will evaluate the competition videos and the juries' decisions are final.*

### **HADIAH/ PRIZES**

5. Hadiah bagi Kempen ini adalah seperti berikut:-  
*The prizes for this campaign are as follow:-*

<b>Kategori/Category</b>	<b>Hadiah/Prizes</b>
i. Peringkat Negeri/ <i>State Level</i> • Sekolah Rendah/ <i>Elementary School</i> • Sekolah Menengah/ <i>Secondary School</i>	RM 500 x 16 JPN = RM 8,000 RM 500 x 16 JPN = RM 8,000
ii. Peringkat Kebangsaan/ <i>National Level</i> • Sekolah Rendah/ <i>Elementary School</i> • Sekolah Menengah/ <i>Secondary School</i>	RM 1,000 x 5 *pemenang/winners = RM5,000 RM 1,000 x 5 *pemenang/winners = RM5,000 *(5 tajuk video/ 5 video titles)
Hadiah kepada Sekolah yang mempunyai penyertaan Pelajar yang paling ramai./ <i>Prize for Schoold with the highest number of participating students.</i>	RM 1,000 x 5 sekolah/ <i>schools</i>

6. Hadiah yang disediakan merupakan wang tunai atau BSN SSP bagi individu untuk kategori pertandingan sahaja.  
*The prizes for individual is in the form of cash or BSN SSP for competition category only.*
7. Semua pelajar dan pihak yang terlibat mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Kempen ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan hadiah, sekiranya ada.  
*All Eligible Customers shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the prizes, if any.*

### **HAK BANK / BANK'S RIGHT**

8. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, plagiat penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan.  
*BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN.*
9. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Kempen ini.  
*BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Customers that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or*

*to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.*

## LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

10. Pelanggan Yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini. *Eligible Customers shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.*
11. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan Yang Layak / Pemenang. *Any expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the prize is the sole responsibility of the Eligible Customers / winners.*
12. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini. *BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.*

## DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

13. Pelanggan Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
  - a) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.  
*Eligible Customers have the right at any time to:*  
a) *Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting BSN.*

## TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:-
  - a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
  - b) Untuk mengakses laman web [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) ("Laman Web BSN") dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

*By participating in this Campaign, all Eligible Customers deemed to have agreed:-*

- a) *To be bound by the Terms and Conditions herein, and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
- b) *To access to [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) ("BSN's Website") and/or any BSN's official social media page on regular basis to ensure that the Eligible Customers are updated with any change or variation made to the T&Cs.*

15. Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN, juga untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dalam apa-

apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN.

*Eligible Customers agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website, also for current and future advertising and promotional purposes in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate.*

16. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

*In no events will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.*

17. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

*BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*

18. BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai.

*BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate.*

19. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM CELIK KEWANGAN 2021  
TERMS AND CONDITIONS FINANCIAL LITERACY PROGRAM 2021**

*In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.*

20. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.  
*These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -  
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-**